

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]**

**TARIKH : 26 OGOS 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan masalah pembuangan hasil pertanian seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan ikan semasa PKP. Apakah langkah yang diambil oleh Kementerian selepas media melaporkan peristiwa-peristiwa tersebut. Berapa jumlah pembelian oleh FAMA dan LKIM untuk membantu menyelesaikan masalah lambakan tersebut.

**JAWAPAN**

**Yang Dipertua,**

1. Pada awal fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), aktiviti pengedaran hasil sayur-sayuran dan buah-buahan agak terjejas disebabkan oleh sekatan perjalanan dan penutupan beberapa premis pemborongan, peruncitan dan sektor hotel, restoran dan katering. Ini menyebabkan berlakunya beberapa kes lambakan hasil pertanian apabila hasil tanaman tidak dapat dibawa ke pasaran atau ke pusat pemprosesan pada masanya. Bagi komoditi ikan pula, tiada isu lambakan bagi ikan makan kecuali ikan proses disebabkan masalah pemberhentian operasi oleh syarikat pembeli ikan proses semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Masalah ini telah selesai setelah syarikat yang terlibat beroperasi semula setelah mendapat kebenaran khas pengoperasian dalam tempoh PKP oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

## SOALAN NO : 36

2. Untuk mengatasi masalah lambakan, FAMA telah membantu memasarkan hasil keluaran pertanian dengan membuat belian secara terus daripada petani serta mengaturkan pasaran. Sebagai contoh, FAMA telah membuat belian sebanyak 102 metrik tan dengan nilai belian sebanyak RM287,077 daripada petani sayur-sayuran di Cameron Highland yang terjejas pasaran eksport ke Singapura. Secara keseluruhan, bagi tempoh 18 Mac hingga 7 Julai 2020, FAMA telah membeli sebanyak 7,670 metrik tan hasil pertanian yang dianggarkan bernilai RM11.25 juta. Pembelian ini telah memberi manfaat kepada 2,350 petani.

3. Dalam masa yang sama, FAMA juga memasarkan hasil pertanian secara *offline* dan *online* bagi merancakkan aktiviti pengedaran dan pemasaran produk pertanian. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah pembukaan Pasar Segar Terkawal, pengedaran hasil pertanian ke pasaraya, kolaborasi bersama usahawan peruncitan FAMA serta jualan di platform Agrobazaar Online (ABO) dan kedai maya Agrobazaar Malaysia di Shopee. Secara keseluruhan, nilai jualan yang dicapai adalah berjumlah RM355.08 juta. Seramai 3.39 juta pengguna dan 2,271 orang usahawan dianggarkan telah mendapat manfaat daripada pelbagai strategi pemasaran semasa pandemik COVID-19 berlaku.

4. Bagi komoditi ikan pula, LKIM telah menyediakan beberapa saluran pemasaran seperti Pasar Nelayan Terkawal, jualan secara *Cash On Delivery* (COD) oleh 44 Persatuan Nelayan (PN), jualan ikan melalui platform online Shopee dan nekmabiz.com.my, jualan menggunakan *runner* atau ejen penghantaran dan jualan di 25 buah Pusat Pengumpulan dan Pengedaran Ikan (CCDC) Air Tawar. Secara keseluruhan, nilai transaksi yang dicatatkan adalah berjumlah RM 25 juta.

5. Selain itu, LKIM juga telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi mengalakkan aktiviti pemasaran ikan seperti pemberian insentif Bantuan Modal Pusingan kepada Persatuan Nelayan bagi pembelian stok ikan dan pemasaran ikan serta pemberian Dana Khas Pertubuhan Nelayan Kawasan. Sekian, terima kasih.